

14 JUN 2000

RAFIDAH-MESYUARAT/I

RAFIDAH HADIRI MESYUARAT MENTERI EKONOMI DAN PERDAGANGAN G-15

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz akan menghadiri mesyuarat kelima Menteri-Menteri Ekonomi dan Perdagangan G-15 di Kaherah, Mesir pada 15 Jun ini.

Mesyuarat itu diadakan sempena dengan Sidang Kemuncak G-15 yang akan dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada 19-20 Jun, demikian menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh kementerian berkenaan hari ini.

Mesyuarat menteri-menteri perdagangan itu akan dipengerusikan oleh Menteri Ekonomi dan Perdagangan Luar Mesir Youssef Boutros-Ghali.

Atas cadangan Malaysia, mesyuarat kali ini juga memberi tumpuan kepada isu-isu Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) terutama yang berkaitan dengan isu-isu pelaksanaan, kajian semula perjanjian Pusingan Uruguay dan rundingan yang ditetapkan untuk perkhidmatan dan pertanian.

Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi dan Perdagangan G-15 merupakan forum penting untuk negara-negara membangun bertukar-tukar pendapat dan menyuarakan masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan komitmen WTO. Perbincangan yang diadakan akan membolehkan negara-negara G-15 mencapai persefahaman mengenai isu-isu kepentingan bersama WTO.

Para menteri berpeluang mengkaji ide-ide baru untuk mempergiatkan lagi perdagangan, pelaburan dan pertukaran teknologi di kalangan negara-negara G-15 menerusi perbincangan.

Selain itu, satu Pameran Perdagangan G-15 juga akan diadakan sempena dengan Sidang Kemuncak. Malaysia akan menyertai Pameran Perdagangan tersebut dan mempamerkan barangan buatan daripada 40 buah syarikat tempatan.

Antara barang-barang yang dipamerkan termasuklah kereta, komputer dan perisian elektronik, bahan binaan, produk elektrik, kosmetik, bahan makanan dan perubatan.

"Malaysia yakin mesyuarat tersebut akan mengukuhkan lagi pendirian sepakat negara-negara membangun mengenai isu-isu perdagangan pelbagai hala. Ia juga akan menghasilkan ide-ide baru untuk menguatkan daya saing negara-negara membangun dalam perdagangan global," demikian menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

WNZ ZK